

13 MAY 1999

Mahathir-DAP

DASAR MALAYSIAN MALAYSIA DAP TIDAK DITERIMA RAKYAT -- DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata konsep "Malaysian Malaysia" yang diperjuangkan oleh DAP adalah idea luar yang tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia.

Beliau berkata sekiranya DAP masih mahu mencuba melaksanakan idea tersebut ia akan menimbulkan ketegangan perhubungan antara penduduk berbilang kaum di negara ini.

"Dasar kita yang diamalkan sekarang telah berjaya mengurangkan ketegangan berhubung antara kaum bahkan mencantum penduduk Malaysia supaya menjadi lebih patriotik, daripada percubaan memperjuangkan cita-cita satu kaum sahaja," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan Bangunan Umno Selangor di sini hari ini.

Beliau berkata walaupun konsep itu disebutkan "Malaysian Malaysia" tetapi sebenarnya perjuangannya adalah untuk satu kaum sahaja.

Dr Mahathir berkata konsep "Malaysian Malaysia" membuatkan orang Melayu merasakan identitinya terancam kerana seperti yang diketahui, negara Malaysia sebelum ini dikenali sebagai Tanah Melayu.

"Secara asasnya, Malaysia dulu dikenali sebagai negeri-negeri Melayu. Kita (orang Melayu) rela berkongsi dengan kaum-kaum lain secara yang adil.

"Janganlah perkongsian itu menjadikan kita kaum yang termiskin di negara kita sendiri," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pelancaran Malaysian Malaysia II oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang pada majlis merayakan ulang tahun ke-30 beliau menjadi anggota Parlimen di ibu negara Sabtu lepas.

Dr Mahathir berkata tujuan Malaysian Malaysia kononnya menggunakan asas meritokrasi iaitu mereka yang pandai, cekap dan kaya mendapat segala-galanya sementara yang tidak cekap dan kaya tidak akan mendapat apa-apa.

"Ini secukupnya dengan saranan globalisasi yang kononnya kita harus memberi tempat kepada orang yang lebih kaya dan cekap daripada kita supaya negara dapat lebih banyak nikmat, tetapi sebaliknya kita akan menjadi hamba orang," katanya.

Apabila ditanya sama ada kerajaan menganggap seruan Malaysian Malaysia oleh DAP itu sebagai menghasut, beliau berkata;

"Kita tidak menganggapnya sebagai hasutan. Tetapi jika didapati ia membangkitkan kebencian antara kaum, seperti yang anda tahu, kita bertanggungjawab untuk memastikan negara ini aman."

Katanya, kalau keamanan negara terancam kerajaan akan menganggapnya sebagai menghasut.

Ketika ditanya sama ada penggunaan slogan Malaysian Malaysia oleh parti pembangkang itu sebagai satu gimik politik, Dr Mahathir berkata ia memanglah demikian.

"Setiap kali menjelang pilihan raya, DAP menggunakan bermacam-macam pendekatan, seperti Robocop (pada pilihan raya lepas), dia nak tangkap semua orang, maka itu dia kalah," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau ingin melihat apakah "merit" kerjasama antara DAP dengan PAS yang mempunyai haluan yang berlainan, sambil menambah kata, kerjasama itu sesuatu yang amat menakjubkan.

Apabila ditanya mengenai laporan akhbar berbahasa Cina yang memetik sumber-sumber bahawa pilihan raya umum akan diadakan pada bulan Jun, dan sama ada beliau telah mendapat ilham tentang tarikh pilihan raya, Dr

Mahathir secara berseloroh berkata; "Saya mengesahkan tak ada pilihan raya pada bulan Jun ini."

-- BERNAMA

ZS AZH NMO